

# **AL-QURAN SEBAGAI SUMBER PEMBANGUNAN TAMADUN BERDASARKAN PERSPEKTIF IBN KHALDUN DALAM MENDEPANI CABARAN SEMASA**

**Suhaila Abdullah & Mohd Sukki Othman**

## **Pengenalan**

Perkataan ‘al-Quran’ berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud ‘bacaan’ atau ‘himpunan’. Walau bagaimanapun, sebahagian ulama termasuklah Imam al-Shafie berpendapat bahawa istilah ‘al-Quran’ itu tidak diambil dari mana-mana perkataan lain, akan tetapi ia merupakan nama khas bagi Kitab Allah sebagaimana kitab-kitab wahyu yang lain seperti Taurat, Zabur dan Injil (al-Sayuti, 1951).

Al-Qur'an telah didefinisikan sebagai “kalam Allah yang mempunyai mukjizat yang diturunkan kepada nabi Muhammad s..a.w., dengan perantaraan Jibril a.s., ia ditulis dalam mushaf dan dipindahkan kepada kita secara mutawatir serta pembacaannya dikira sebagai ibadah. Dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nâs” (Al-âbûnî, 1985: 8).

Muhammad Sa'îd Ramadhan al-Bûtî ketika mentakrifkan al-Qur'an, telah menyatakan bahawa al-Quran ialah “perkataan Arab yang mempunyai mukjizat, telah diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w., membacanya dikira ibadah dan sampai kepada kita dengan jalan mutawatir” (Al-Bûtî, t.t.: 25).

Jelasnya, pengertian dan definisi al-Qur'an telah disepakati oleh para ulama sebagai “kalam Allah yang mengandungi mukjizat, diturunkan dan diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w., ditulis dalam mushaf, dipindahkan secara mutawatir dan pembacaannya dikira sebagai ibadah” (Al-Zarqânî, 1988: 19; <sup>a</sup>âlih, <sup>a</sup>ubhî, 1988: 21; al-Qattan, 1992: 17). Tafsiran

ini selaras dengan tafsiran yang telah dibuat oleh Ibn Khaldun yang mentakrifkan al-Quran sebagai “kalam Allah yang diturunkan kepada Nabinya, yang ditulis di antara kedua sisi mushaf. Ia disampaikan secara terus-menerus (*mutawatir*). Sungguh pun begitu, para sahabat meriwayatkannya daripada Rasulullah s.a.w. dengan cara yang berbeza-beza...” (Ibn Khaldun, 2000: 347).

Sesungguhnya, al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah kepada RasulNya, Nabi Muhammad S.A.W. Lantaran itu, ia sempurna dan lengkap serta dijamin terpelihara oleh Allah S.W.T. Firman Allah bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya” (al-Hijr, 15:9). Al-Quran merupakan sebuah kitab yang mempunyai mukjizat, berbeza daripada kitab-kitab lain. Justeru, al-Quran merupakan sumber segala mukjizat yang ada dan mukjizat terbesar bagi Rasulullah s.a.w. (Badiuzzaman Said Nursi, 1999: 4).

Kepentingan al-Quran sebagai sumber pembangunan tamadun telah lama terbukti. Sejak penurunannya pada kali pertama di Gua Hira' pada tanggal 17 Ramadhan 610 Masihi, ia telah menjadi asas kepada pembangunan tamadun yang cemerlang berdasarkan kepada ilmu pengetahuan. Sehubungan dengan itu, ayat pertama yang turun di Gua Hira' tersebut membicarakan persoalan ilmu sebagai asas kepada pembinaan dan pembangunan tamadun, iaitu firman Allah yang bermaksud: “Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari seketul darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui”. (al-‘Alaq, 96: 1-5).

Rentetan dari kepentingan kitab suci Al-Quran sebagai sumber asas kepada ilmu, maka Ibn Khaldun dalam memerihalkan berkenaan isu-isu ketamadunan dalam *Muqaddimahnya*, turut memperkatakan tentang peri pentingnya ajaran al-Quran untuk dihayati dalam usaha membina kecemerlangan tamadun. Ibn Khaldun juga telah menekankan peri pentingnya pendedahan, pengajaran dan penghayatan al-Quran diterapkan sebagai asas keilmuan dalam kalangan generasi muda bagi menjamin keteguhan keimanan dan keutuhan peribadi seseorang remaja dan belia Muslim. Dengan wujudnya dasar ilmu yang kukuh melalui pengajaran ilmu al-Quran, seseorang individu belia itu sudah mempunyai kekuatan dan ketahanan diri dalam mendepani segala bentuk cabaran dalam kehidupan. Ilmu al-Quran yang tersemat di dalam jiwanya dapat

menjadi benteng dan memberi arah panduan bagi seseorang belia untuk menilai baik dan buruknya sesuatu perkara secara berhemah dan bijaksana.

Berikutan peri pentingnya pendidikan al-Quran ini, maka Ibn Khaldun menekankan bahawa al-Quran merupakan sumber utama dalam pembangunan sesebuah tamadun yang sebenar, yang bukan sekadar meliputi aspek-aspek fizikal dan material malah menggabunggalinkannya dengan aspek-aspek spiritual dan kerohanian agar sesebuah tamadun yang dibangunkan itu berada dalam keadaan yang seimbang di antara pembangunan fizikal dan spritualnya. Daripada atasas inilah, Ibnu Khaldun telah mengetengahkan pandangannya mengenai kerelevan al-Quran untuk menjadi sumber asas kepada pembangunan tamadun.

### **Latar Belakang Ibn Khaldun**

Ibn Khaldun atau nama sebenar beliau ialah Abu Zayd Abd al-Rahman Ibn Muhammad Ibn Khaldun Wali al-Din al-Tunisi al-Hadrami al-Ishbili al-Maliki, lahir di Tunis pada tahun 732H/1332M dan meninggal dunia di Kaherah pada tahun 808H/1406M. Nama sebenar beliau ialah ‘Abd Rahman. Beliau turut mempunyai nama gelaran iaitu Wali al-Din. Akan tetapi, beliau lebih masyhur dengan panggilan Ibn Khaldun (Muhammad Abdullah Enan, 1964: 2-3).

Beliau merupakan seorang pemikir Islam terulung dalam bidang sains sosial dan ketamadunan. Karya beliau yang bertajuk *Muqaddimah* merupakan sebuah karya monumental yang banyak dirujuk dan dikaji. Keseluruhan isi kandungan *Muqaddimah* disulami dengan pengamatan dan huraiyan yang cukup teliti tentang manusia dan masyarakat serta sistem sosial dalam kehidupan. Konsep peradaban yang dikemukakan oleh beliau mencakupi segala aspek berkaitan unsur spiritual dan fitrah manusia serta aspek fizikal dan juga biologikalnya.

Ibn Khaldun juga tidak ketinggalan membicarakan berkaitan bidang pendidikan dan tradisi ilmu. Bahkan, beliau membicarakan dengan panjang lebar tentang teknik dan kaedah pengajaran yang terbaik. Oleh yang demikian, berdasarkan pandangan Ibn Khaldun, kanak-kanak perlulah diajarkan dengan ilmu al-Quran terlebih dahulu sejak dari kecil sebagai asas kukuh kepada ilmu pengetahuan lain yang akan mereka peroleh sepanjang alam persekolahan dan tahap pendidikan yang diterima seterusnya (Ibn Khaldun, 2000: 461). Ibnu Khaldun telah

menyatakan sedemikian adalah bagi membuktikan bahawa al-Quran sepatutnya dijadikan sebagai sumber pembangunan tamadun.

### **Al-Quran Sebagai Sumber Pembangunan Tamadun**

Al-Quran merupakan sebuah kitab wahyu yang lengkap dan menyeluruh. Sesiapa yang mengkaji dan menghayati isi kandungan al-Quran, sudah pasti akan mendapati bahawa al-Quran telah membincangkan segala perkara dan aspek yang merangkumi seluruh keperluan hidup manusia sama ada untuk kehidupan di atas dunia mahu pun di akhirat. Kesempurnaan ajaran Islam yang terdapat di dalam al-Quran boleh dilihat dengan jelas melalui firman Allah yang bermaksud: “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”. (al-Ma’idah, 5: 3)

Antara isi dan perbincangan yang terdapat di dalam al-Quran ialah aspek-aspek yang menyentuh tentang kisah-kisah terdahulu, syariat, sejarah, psikologi, pentadbiran, kebudayaan dan tamadun, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. (al-Khalidi, 1985: 67-68). Ajaran Islam melalui al-Quran al-Karim telah mengetengahkan satu sistem yang bersepadau demi membina tamadun umat manusia ke arah kecemerlangan dalam kehidupan. Oleh itu, pembinaan yang bersepadau itu merangkumi sistem kekeluargaan, ekonomi, politik dan kenegaraan, perundangan dan sebagainya. (al-Natur, 1989:20).

Ajaran Islam yang berteraskan kepada al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah telah berjaya membentuk sebuah peradaban yang tinggi. Maka dari sinilah, terbina sebuah tamadun. Hal ini bermakna pembangunan tamadun dalam Islam berkembang maju berdasarkan akhlak dan peradaban yang telah terbentuk. (Ahmad Fauzi Morad, 1997: 6). Oleh itu, sesuatu yang tidak diragukan lagi bahawa al-Quran merupakan asas dan sumber utama kepada pembangunan tamadun manusia.

### **Perspektif Ibn Khaldun Terhadap Al-Quran Sebagai Sumber Pembangunan Tamadun**

Ibn Khaldun (1332-1406M) menerusi karya agungnya *Muqaddimah* telah mengemukakan pandangan beliau tentang peri pentingnya al-Quran sebagai sumber pembangunan tamadun manusia. Dalam pada itu, Ibn

Khaldun juga berpendapat bahawa satu perkara yang membezakan di antara manusia dan haiwan ialah kerana manusia dikurniakan dengan akal fikiran (Ibn Khaldun, 2000: 341). Dengan adanya akal fikiran manusia boleh menguasai pelbagai ilmu pengetahuan termasuklah ilmu al-Quran.

Dalam kitab *Mugaddimah*, Ibn Khaldun menyebut bahawa mengajarkan anak-anak mendalamai al-Quran merupakan suatu simbol dan pekerti Islam yang mulia. Bahkan menurut beliau, pengajian al-Quran merupakan kategori ilmu pertama yang perlu diajarkan kepada kanak-kanak Islam. Sejak dahulu sehingga kini, masyarakat Islam di seluruh dunia telah mengamalkan ajaran yang terdapat dalam al-Quran. Pengajaran al-Quran dapat memperkuuhkan hati dan kepercayaan terhadap ajaran Islam serta dapat memperteguhkan keimanan dalam jiwa seseorang individu. Menurut Ibn Khaldun, al-Quran sepatutnya menjadi dasar kepada pengajaran ilmu-ilmu yang lain. Apabila ilmu al-Quran diajarkan kepada kanak-kanak, ia akan memberi kesan terhadap diri dan pemikiran mereka dan seterusnya menjadi asas bagi semua ilmu pengetahuan lain yang diperolehinya selepas itu (Ibn Khaldun, 2000: 461).

Sehubungan dengan itu, kecemerlangan dan kehebatan para cendekiawan muslim silam seumpama Imam Syafe'i, Imam Nawawi, Ibnu Sina dan sebagainya adalah kerana mereka memulakan pengajian dengan belajar dan menghafaz al-Quran terlebih dahulu, bahanalah mereka berpindah kepada ilmu-ilmu yang lain. Dengan demikian, mereka dapat mengaplikasikan ilmu al-Quran dalam pembinaan tamadun yang cemerlang. Sebagai contohnya, cendekiawan muslim Ibnu Sina mula mempelajari al-Quran semenjak berusia 5 tahun dan menghafaznya ketika berumur 10 tahun. Kemudian beliau mempelajari ilmu fekah, tasawuf, ilmu hisab, geometri, falsafah, sains dan astronomi. Semasa berusia 16 tahun, beliau telah menguasai ilmu perubatan. Sehingga kini, Ibnu Sina yang dikenali di Barat sebagai Avicenna telah diiktiraf sebagai bapa perubatan dunia (Milenia Muslim, 2006: 78-79).

Berdasarkan pandangan Ibn Khaldun, kanak-kanak yang telah diajarkan dengan ilmu al-Quran terlebih dahulu sejak dari kecil, mereka akan mempunyai asas kukuh untuk mendalamai ilmu pengetahuan yang lain. Seterusnya, apabila seseorang kanak-kanak itu sudah mempunyai asas yang kukuh, maka mereka akan bergerak dengan berpedoman dan tidak akan tersasar dari jalan yang benar. Justeru, apabila mereka meningkat dewasa, mereka akan lebih bersedia untuk mendepani

cabaran semasa dengan lebih matang dan berwaspada. Golongan yang diberikan asas akidah yang kukuh di dalam jiwa melalui ajaran al-Quran ini sudah tentu dapat menentukan baik buruk sesuatu perkara dengan lebih bijaksana. Mereka tentu dapat mengelakkan diri daripada kegiatan yang tidak berfaedah lagi memudharatkan diri sendiri seperti mana yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini terutamanya dalam kalangan remaja dan belia yang terlibat dengan pelbagai gejala sosial..

Menerusi pengamatan Ibn Khaldun di Maghribi, beliau mendapati bahawa penduduknya tidak mencampur-adukkan pengajian al-Quran dengan pelajaran ilmu lain seperti ilmu hadis, fekah, syair atau bahasa Arab sehinggalah seseorang individu pelajar itu terlebih dahulu mahir dalam pengajian al-Quran. Sementara itu, Ibn Khaldun juga turut menceritakan bagaimana masyarakat Andalus mengajarkan al-Quran melalui kaedah tulisan dan pembacaan dalam kalangan anak-anak mereka. Mereka menjadikan al-Quran sebagai dasar pengajaran kepada semua ilmu pengetahuan lain. Walau bagaimanapun, mereka tidak membatasi pengajaran anak-anak mereka kepada al-Quran sahaja semata-mata. Sebaliknya, mereka turut mengajarkan mata pelajaran lain seperti syair dan puisi, mengarang, bahasa Arab dan cara menulis dengan baik (Ibn Khaldun, 2000: 462).

Dari sini, jelas menunjukkan bahawa al-Quran telah dijadikan asas kepada pembelajaran ilmu-ilmu lain di samping ia berperanan mengatasi segala bentuk masalah dan cabaran yang berlaku. Tanpa ilmu, sudah tentu masyarakat akan terkapai-kapai dalam mencari panduan dan pedoman apatah lagi dalam mendepani cabaran semasa yang semakin kompleks. Justeru, bolehlah dikatakan bahawa peranan al-Quran menurut Ibnu Khaldun amat penting dalam menghadapi dan mendepani cabaran semasa .

### **Peranan Al-Quran Dalam Mendepani Cabaran Semasa**

Pada masa kini, kerajaan Malaysia sedang berusaha bersungguh-sungguh bagi membangunkan serta memajukan kehidupan rakyat. Oleh yang demikian, tumpuan diberikan bagi melahirkan modal insan berkualiti. Tanpa sumber manusia berkualiti, negara akan menjadi lemah dan mundur. Justeru, matlamat yang hendak dibangunkan ialah diri manusia itu sendiri. Jika dirujuk kepada al-Quran, motif asal kejadian manusia ialah untuk beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Perkara ini dijelaskan melalui firman-Nya yang bermaksud: “Dan

(ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu". (Surah al-Dzaariyat, 51: 56).

Bagi mencapai matlamat ini, manusia diperintahkan agar mengikuti ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W secara menyeluruh. Sekiranya manusia mengikuti ajaran Islam secara menyeluruh dengan menuruti segala ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W, mereka dijamin mendapat kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah bermaksud: "Wahai orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata." (Surah al-Baqarah, 2: 208).

Berdasarkan ayat di atas, ternyata bahawa masalah yang berkaitan dengan manusia seperti rasuah, pecah amanah, menipu dan sebagainya adalah berpunca daripada sikap tidak mengikuti ajaran Islam secara keseluruhan sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith. Seterusnya, ia mengakibatkan berlakunya ketidakstabilan dalam masyarakat dan negara yang mengakibatkan terbantutnya perkembangan tamadun. Justeru, dalam pembangunan modal insan, tidak dapat tidak mestilah didasarkan kepada al-Quran yang dijadikan sebagai panduan dan asas utama.

### **Pembangunan Modal Insan**

Usaha pembangunan modal insan sebagai asas kemajuan bangsa dan negara perlu ditumpukan secara serius dalam usaha memartabatkan masyarakat terutamanya kepada golongan remaja dan belia yang bakal menjadi pemimpin yang menerajui kepimpinan negara. Para belia menjadi sasaran penting pembangunan modal insan kerana para belia mempunyai potensi yang amat bernilai untuk dibangunkan. Pada diri belia, terdapat dinamika diri untuk maju ke hadapan dan sebagai sumber penting bagi membentuk tamadun dan kemajuan ummah. Hal inilah yang telah diketengahkan oleh Ibnu Khaldun dengan menjadikan al-Quran sebagai asas dan panduan utama bagi menyediakan masyarakat terutamanya golongan belia dengan kekuatan dan jati diri.

Dalam hal ini, Malaysia bukan sahaja sedang memberikan tumpuan kepada pembangunan modal insan dalam kalangan belia atau generasi mudanya, bahkan juga memberi keutamaan ke arah pendidikan

sepanjang hayat. Institusi pengajian atau pendidikan bermula di peringkat rendah sehingga di peringkat pengajian tinggi tidak saja ditaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pihak swasta. Prasarana pendidikan di Malaysia sangat berkembang dan para remaja dan belia negara ini mempunyai peluang luas untuk membina bakat diri supaya lahir sebagai modal insan yang berkualiti. Seterusnya, apabila pembangunan modal insan golongan belia diberikan keutamaan, maka usaha untuk meningkatkan prestasi kepimpinan dan pengurusan negara akan dapat direalisasikan dan seterusnya membuka ruang yang luas ke arah kemajuan bangsa dan negara. (Sidek Baba, 2005).

Jika dirujuk kepada konsep pembangunan modal insan dalam Islam ternyata bahawa ia adalah proses untuk membentuk insan yang baik dan berguna bukan sahaja kepada dirinya sendiri, malah terhadap masyarakat, agama dan negara. Jika manusia mempunyai ciri keperibadian seperti yang digariskan oleh Islam, pasti kejayaan akan menjadi kenyataan. Oleh itu, ternyata bahawa strategi yang diambil pihak kerajaan untuk mencapai kemajuan masa depan yang dimulakan dengan usaha pembangunan modal insan ini adalah selaras dengan ajaran Islam. Memandangkan kemakmuran dan kesejahteraan negara banyak bergantung kepada penduduknya, maka jika setiap individu belia di negara ini mempunyai kualiti seperti beriman, bertakwa dan berakhlik mulia, tentu ini akan memudahkan proses untuk mencapai kejayaan dalam segenap bidang kehidupan.

Hal ini dijelaskan melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud : “Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwah, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan” (Surah al-A’raf , 7: 96).

Justeru, pembangunan modal insan perlu diberi perhatian sewajarnya dalam proses pembangunan negara kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan dan kemunduran bangsa. Sumber manusia ini perlu digerakkan secara produktif dan proses pendidikan menjadi titik tolak kepada usaha tersebut. Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan yang dimaksudkan di sini adalah proses pendidikan yang bersepadau, berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Unsur kemahiran dan nilai murni perlu diadunkan bersama agar modal insan yang bakal mewarisi negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dan kualiti dalam erti kata yang sebenar.

Namun, situasi yang amat malang dewasa ini ialah sebahagian masyarakat terutamanya dalam kalangan belia dan remaja sedang menghadapi krisis nilai. Krisis nilai ini bermaksud gelagat atau tingkah laku sesetengah remaja yang tidak lagi menggambarkan dirinya sebagai orang yang beragama dan berbudaya. Jika dilihat pada gaya rambut, cara berpakaian, cara pergaulan, cara bercakap dan bahasa yang digunakan, cara menghabiskan masa seharian, cara menaiki motosikal telah menggambarkan ada krisis nilai yang parah yang sedang dialami mereka. Dalam kalangan belia sebegini mereka sudah hilang rasa malu terhadap orang lain, tidak mahu menerima teguran, bersikap agresif bila rasa diri mereka tercabar, cenderung merokok dan mengambil dadah malah ramai juga dalam kalangan mereka yang terlibat dengan kes-kes jenayah serius.

Menurut Prof. Sidek Baba, hal ini adalah disebabkan oleh pengaruh pergaulan dan juga pengaruh persekitaran. Sepatutnya dunia yang dikatakan maju dan membangun tidak akan menampilkan watak-watak golongan muda dan belia yang seperti itu. Dunia kemajuan dan pembangunan sepatutnya mendorong remaja dan belia menjadi lebih bersopan-santun, cintakan ilmu pengetahuan serta menghargai budaya bangsa dan tamadun umat. Sebaliknya dunia moden hari ini menimbulkan krisis nilai yang amat parah bagi golongan tersebut. Beliau menyatakan bahawa asas utama dalam isu ini ialah merujuk kepada pendidikan di peringkat awal kanak-kanak. (Sidek Baba, 2006).

Menurut pakar pendidikan dan ahli agama, tahap yang amat kritikal dalam mendidik anak-anak ialah bermula daripada dalam perut ibu sehingga ke peringkat aqil baligh. Ini tidaklah bermakna tahap-tahap umur yang lain tidak penting dalam memberikan didikan dan asuhan. Akan tetapi, tahap kritikal ini dilihat oleh para pendidik dan ahli agama kerana kanak-kanak akan melalui proses pertumbuhan akal, emosi, kejiwaan dan memiliki kecenderungan atau naluri meniru, mencontohi, meneladani dan mudah terpengaruh dengan apa yang dilihat, ditonton dan disaksikan terutama terhadap perlakuan ibu bapa, adik-beradik mahupun rakan sebaya. Pada tahap ini bermulanya asas nilai dan perlakuan yang mula membentuk watak kanak-kanak dan ia bakal menjadi landasan membentuk perlakuan ke arah tahap remaja dan belia. Justeru, para belia kelak tanpa disedari atau memang disengajakan akan berasa selesa dengan corak perlakuan yang bermula sejak awal usianya lagi. Sekiranya pola-pola perlakuan tidak diperhatikan oleh ibu bapa dan mengambil langkah membentuknya sejak dari awal, besar

kemungkinan apa yang sudah terbiasa dan lazim dilihat dan diperhatikan di peringkat kanak-kanak itu boleh berterusan sehingga ke tahap remaja, belia, dewasa dan tua. (Sidek Baba, 2006).

Oleh yang demikian, dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berkualiti, berilmu pengetahuan luas, mempunyai pegangan agama yang kuat, bersahsiah dan berdaya saing, perancangan yang rapi dan sistematik amat diperlukan. Hal ini disebabkan terdapatnya pelbagai cabaran semasa yang perlu ditangani secara bijak dan berhemah lantaran perkembangan arus globalisasi yang melanda dunia pada hari ini. Pembangunan masyarakat pada millenium ketiga atau awal abad ke-21 berdepan dengan pelbagai cabaran dan masalah dalam segenap aspek kehidupan. Cabaran dan masalah tersebut pada dasarnya adalah bersumberkan pengaruh globalisasi yang tidak dapat dielak. Gelombang globalisasi ini membawa bersamanya revolusi komunikasi dan juga ledakan teknologi maklumat. Kemajuan serta perkembangan teknologi maklumat ini pula memberi kesan transformasi sosio-budaya hampir ke semua negara dan bangsa di dunia ini (Dr. H. Abd. Rahim Arsyad, 2005: 55). Dalam hal ini, John Naisbit dan Patricia Aberdene dalam buku berjudul *Megatrends 2000* memperkatakan tentang kesamaan gaya hidup masyarakat di seluruh dunia pada abad ke-21. Mereka meramalkan bahawa fenomena 3F (*Food, Fashion and Fun*) bakal muncul bersama gelombang globalisasi tersebut.

### **Cabaran Globalisasi dan Masalah Sosial**

Penyebaran arus globalisasi dalam abad ke-21 ini banyak dibantu oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Salah satu daripada rangkaian komunikasi global yang berdasarkan kepada teknologi maklumat dan komunikasi ini ialah jaringan internet. Kemunculan sistem internet ini membawa perubahan dan manfaat besar terhadap budaya hidup masyarakat di Malaysia. Melalui penggunaan internet, sistem perhubungan menjadi mudah dan pantas, maklumat dapat disebar dan diperolehi dengan cepat, bidang industri turut berkembang pesat serta interaksi sesama manusia yang berada pada jarak yang jauh juga menjadi mudah. Namun demikian, di sebalik pelbagai aspek positif jaringan internet ini, terdapat juga unsur-unsur negatif yang dibawa bersamanya seperti laman-laman web lucah yang menyaksikan masyarakat di negara ini khususnya golongan belia terlibat dengan kegiatan pornografi, penyebaran fitnah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, ternyata masyarakat di negara ini amat terdedah dengan pelbagai gejala negatif yang datang bersama arus kemodenan dan globalisasi. Kegiatan golongan belia dalam ‘budaya popular’ juga amat membimbangkan. Pada masa kini, golongan belia banyak terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat seperti penagihan dadah, kumpulan black metal, pengaruh muzik rock, lumba motorsikal secara haram, kegiatan mencuri dan samun bersenjata, bohsia, pelacuran dan sebagainya. (Chek Mat 1999: 54). Keadaan ini telah mencetuskan pergeseran nilai dan keruntuhan akhlak serta moral yang seterusnya melahirkan masyarakat berbudaya hedonistik. (Dr. H. Abd. Rahim Arsyad, 2005: 56)

Sehubungan dengan itu, didapati golongan belia pada hari ini cenderung menyukai budaya keseronokan yang melampau serta gemar mengikuti gaya penampilan penyanyi idola mereka dari segi cara berpakaian, dandanan diri, penampilan yang menjolok mata serta hilang nilai kesopanan dan ketertiban. Ada juga di antara mereka yang terikut-ikut dengan gaya hidup negatif artis-artis Barat seperti terlibat dengan penagihan dadah, hubungan seks rambang, vandalisme dan sebagainya. Justeru itu, cabaran semasa yang dibawa oleh arus globalisasi dari segi budaya ini telah mewujudkan budaya mendewa-dewakan budaya Barat yang telah hilang nilai susilanya dan adab sopan. Selain itu, lambakan majalah dan bahan bacaan berunsur seks dan lucah di pasaran tanpa kawalan serius juga merupakan ancaman terhadap usaha pembangunan modal insan golongan belia dan masyarakat keseluruhannya. Pada hari ini, terdapat penjualan VCD lucah atau separa lucah yang dijual tanpa kawalan pihak berkuasa di merata-rata tempat.

Selain itu, terdapat juga masyarakat di negara ini yang terlibat dalam kegiatan maksiat dan mungkar yang merosakkan akhlak dan akidah. Fenomena ini ternyata semakin berleluasa dan parah mutakhir ini ekoran wujudnya faktor-faktor penyebabnya seperti penganjuran konsert-konsert. Dalam pada itu, kewujudan kelab-kelab malam dan premis hiburan yang beroperasi sehingga ke awal pagi turut menyumbang terhadap berleluasanya gejala sosial dalam kalangan belia. Operasi dan aktiviti pelacuran di hotel-hotel dan rumah-rumah urut memerangkap ke dalam kancah maksiat dan penzinaan. Di samping itu, terdapat juga pusat-pusat perjudian yang beroperasi tanpa permit dan tiada pemantauan kerana pengunjungnya turut terdiri dari kalangan individu yang beragama Islam.

Antara faktor yang menyebabkan berlakunya gejala sosial dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan belia di negara ini termasuklah kelemahan dalam sistem pendidikan, kurangnya didikan agama, kurangnya kawalan ibu bapa, pengaruh VCD lucah, pengaruh rancangan TV yang berunsur seks dan keganasan, pengaruh kawan yang liar, pergaulan bebas, pengaruh pusat-pusat hiburan serta pesta-pesta hiburan yang keterlaluan, kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan hukuman yang tidak setimpal. Walaupun tidak dinafikan bahawa pihak kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi dan membendung gejala sosial ini, namun sehingga kini langkah-langkah yang telah diambil masih kurang dari segi keberkesanannya dalam mengatasi dan membendung gejala sosial yang berlaku.

Dalam hal ini, Prof Sidek Baba menyatakan bahawa krisis nilai yang berlaku dalam kalangan belia hari ini adalah akibat daripada tidak berlakunya pemupukan nilai-nilai murni sejak di peringkat umur yang masih kecil kerana pendidikan berkualiti daripada ibu bapa kepada anak-anak tidak berlaku. Dalam era perkembangan pesat dunia ICT ini, anak-anak amat terdedah dengan bahan-bahan yang tidak baik daripada media cetak dan elektronik malah bahan-bahan seperti ini banyak mempengaruhi dan mendorong remaja dan belia mencontohnya. Justeru, apabila anak-anak mengalami pengabaian di rumah dan di sekolah pula mereka tidak diberikan pendedahan kepada penghayatan nilai-nilai yang baik, maka apabila mereka keluar ke dalam masyarakat, mereka mudah terikut-ikut dan terdedah dengan contoh-contoh yang tidak baik dalam masyarakat. Keadaan ini menyebabkan para belia di negara ini menjadi pengamal nilai-nilai negatif dan akhirnya berlaku krisis nilai dalam diri serta masyarakat. (Sidek Baba, 2006)

Menurut Prof Sidek Baba lagi, sebahagian besar filem, corak hiburan, majalah-majalah, festival-festival yang berkembang di Barat yang disajikan dalam media cetak dan elektronik hari ini amat mencabar nilai-nilai murni seseorang belia. Bayangkan seseorang belia yang sejak zaman kanak-kanaknya lagi tidak diberi peluang untuk diasuh dan dididik dengan nilai-nilai agama, budaya dan tradisi yang baik, tidak mungkin zaman belianya mempunyai ketahanan dan kekebalan untuk menghadapi karenah budaya popular yang cenderung merangsang nafsu dan budaya berfoya-foya yang akhirnya mengarah kepada perbuatan yang melampaui batas. Seterusnya, keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang yang dalam antara golongan belia dengan ibu bapa. Ia juga melahirkan konflik antara golongan tua dengan golongan muda yang

lagaknya lebih agresif. Keadaan seperti ini menyebabkan apa yang belia lakukan tidak lagi mengambil acuan yang lazim berlaku melalui pemindahan budaya, nilai dan tradisi lazim yang penuh dengan adab dan susila. Faktor ini menghalang proses pengukuhan jati diri berasaskan nilai-nilai baik dan murni. (Sidek Baba, 2006)

Hal ini memerlukan perhatian yang sewajarnya dari pihak kerajaan, ibu bapa dan para guru dalam membimbing golongan belia agar bijak memilih dan mengambil manfaat daripada arus kemodenan dan globalisasi serta tidak terikut-ikut dengan budaya negatif Barat yang merosakkan akhlak dan jiwa. Walaupun tidak dinafikan adanya aspek positif dari gelombang globalisasi, namun aspek negatif yang turut dibawa bersama dari Barat itu perlulah ditangani sebaik mungkin agar dapat memilih yang baik sahaja dan menghindari segala yang tidak berfaedah. Dalam hal ini, para belia perlu diberikan kesedaran dan bimbingan untuk menyaring aspek-aspek positif untuk diikuti dan diteladani.

Oleh itu, berdasarkan cabaran semasa yang berlaku sekarang ini, usaha pembangunan modal insan dalam kalangan belia di negara ini perlulah dilaksanakan secara giat dan terancang. Usaha memberi kesedaran mengenai baik dan buruknya pengaruh yang datang dari Barat mestilah diperjelaskan. Golongan belia perlu diberi bimbingan agar mereka mempunyai kefahaman tentang arah tuju serta matlamat hidup yang sebenar berlandaskan ajaran agama. Penting untuk disedari bahawa jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber manusianya. Maka pemimpin negara berperanan penting dalam mengatur agenda ke arah merealisasikan amanah dan harapan rakyat demi mencapai kemajuan ummah pada masa hadapan melalui pembangunan modal insan belia yang berkualiti.

Apatah lagi dalam suasana masyarakat sekarang yang berada dalam keadaan terumbang-ambing ekoran kemewahan dan kenikmatan yang dikecapi. Fenomena ini telah memberikan kesan negatif terhadap masyarakat apabila semakin ramai yang menjadi malas untuk berusaha. Terdapat juga mereka yang begitu mudah terjebak dalam gejala sosial yang amat membimbangkan ekoran kemewahan dan keselesaan hidup yang dikecapi. Ibnu Khaldun telah mengetengahkan ‘Teori Kitaran Tamadun’ yang telah menggambarkan bahawa apabila masyarakat berada pada suatu tahap kemewahan dan keselesaan hidup, mereka begitu mudah terjebak dalam perkara-perkara yang merosakkan. Teori Kitaran Tamadun yang diketengahkan oleh Ibnu Khaldun itu sepatutnya

dijadikan panduan dalam usaha memperbaiki masyarakat dalam mendepani cabaran yang datang silih berganti.

### **Kitaran Tamadun Menurut Ibnu Khaldun**

Ibn Khaldun menerusi karya agungnya *Muqaddimah* telah mengemukakan teori berkenaan “kitaran tamadun”. Menurut beliau, terdapat kitaran dalam hayat sesebuah tamadun manusia iaitu ia bermula dengan tahap pembinaan, perkembangan dan kemerosotan tamadun. Menurut pandangan Uthman El-Muhammady (1982: 75-76), daripada teori kitaran yang diutarakan oleh Ibn Khaldun itu, terdapat tiga tahap utama yang wajar diperhalusi iaitu tahap pertama, yang merupakan tahap awal kelahiran tamadun. Tahap ini dicirikan dengan usaha manusia membangunkan tamadun dengan kewujudan semangat kekitaan (*asabiyah*) dan usaha memenuhi keperluan asas dalam kehidupan dan diperkemaskan lagi dengan adanya peranan agama dalam kehidupan. Tahap kedua pula ialah tahap kehidupan menetap yang dicirikan oleh kewujudan sistem pemerintahan dan pertumbuhan bandar-bandar yang memberi kesan kepada stratifikasi sosial. Seterusnya tahap yang ketiga pula ialah tahap di mana berlakunya kelemahan dan kejatuhan apabila suasana pergolakan politik dan kemerosotan ekonomi berlaku. Kemewahan yang dikecapi menyebabkan manusia lalai serta mementingkan diri sendiri sehingga semangat kekitaan (*asabiyah*) juga semakin luntur.

Dalam teori Ibn Khaldun tentang tahap ketiga kitaran tamadun, beliau mengatakan bahawa apabila manusia telah mengecapi kemewahan dalam hidup, maka mereka akan menjadi lalai serta malas berusaha. Hal ini adalah kerana generasi yang hidup dalam kemewahan ini berasa selesa dengan keadaan tersebut dan malas berusaha untuk mempertingkatkan pencapaian dalam kehidupan mereka. Maka dengan itu, generasi ketika itu tidak mempunyai hala tuju dan matlamat yang jelas dalam kehidupan mereka. Kehidupan mereka dihiasi dengan gaya hidup yang bersenang-lenang dengan kemewahan yang ada. Kehidupan tanpa ada daya usaha dan daya juang yang tinggi seumpama ini akan menyebabkan generasi tersebut menjadi lemah dan lalai akhirnya.

Berdasarkan teori kitaran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun itu, dapat dikatakan bahawa masyarakat Malaysia pada hari ini telah pun mencapai ke tahap yang ketiga dalam kitaran tamadun iaitu tahap masyarakat telah menikmati kemewahan dan kemakmuran hidup. Keadaan yang selesa ini menjadikan manusia lalai dan bersikap

pentingkan diri sendiri. Rentetan dari kehidupan yang agak selesa dengan kemewahan yang tersedia itu juga, maka generasi Malaysia pada ketika ini lalai dan malas berusaha. Mereka mudah melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah sepihama yang ketara pada hari ini. Akibatnya timbulah pelbagai gejala sosial dalam masyarakat.

Pendekatan ibu bapa dalam mendidik generasi muda pada hari ini memperlihatkan bahawa anak-anak dibesarkan dalam keadaan yang begitu selesa dan mewah. Ibu bapa menyediakan segala keperluan anak-anak dan mengikuti segala kehendak mereka. Namun demikian, dalam usaha menyediakan kesenangan dan keselesaan hidup dari aspek keperluan material bagi anak-anak, ada yang terlupa tentang perihal pentingnya aspek kerohanian yang perlu diterapkan di dalam jiwa anak-anak. Hal inilah yang menjadi punca kepada segala permasalahan dan gejala sosial mutakhir ini khususnya dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini selari dengan pandangan Ibn Khaldun yang mengatakan bahawa kemewahan hidup boleh menimbulkan sifat lalai, lemah dan malas berusaha. Kelalaian tersebut menyebabkan generasi muda hidup dalam kelekaan dan hiburan semata-mata.

Begitulah realiti yang ada pada hari ini. Ramai generasi muda terlibat dalam kancang gejala sosial. Di akhbar-akhbar tempatan sering terpampang isu-isu moral remaja misalnya berkaitan kes-kes murtad dan penyelewengan akidah, kes-kes lepak, pergaulan bebas, mat rempit, pembuangan bayi, penagihan dadah, bohsia dan bohjan, sumbang mahram dan pemujaan syaitan melalui penghayatan muzik dalam kumpulan black metal, dan sebagainya.

Selain kemewahan material, Ibn Khaldun turut mengemukakan pandangan bahawa dengan adanya nikmat makanan yang melimpah ruah, manusia biasanya akan menjadi lemah dan lalai. Tambahan daripada itu, kesihatan juga akan menjadi terganggu dan tidak seimbang, kebolehan berfikir menjadi kurang, timbul sikap panas baran dan kurang penghayatan terhadap persoalan berkaitan agama. Dengan yang demikian, maka berlakulah kejahatan, kemerosotan akhlak dan kefasikan (penyimpangan dari sifat ketaatan). Perlanggaran terhadap nilai-nilai adab dan akhlak serta penyimpangan nafsu seksual pula menyebabkan berlakunya kepincangan dalam sistem kekeluargaan dan zuriat keturunan manusia. Hal seperti inilah yang mencemarkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan manusia bertamadun (Ibn Khaldun, 2000: 294). Berbeza keadaannya apabila sumber makanan keperluan adalah sekadar mencukupi, maka ia akan menggerakkan masyarakat supaya berusaha

meningkatkan produktiviti. Selain itu, mereka akan lebih khusuk dalam melaksanakan amal ibadah berbanding golongan yang hidup dalam kemewahan dan berlebih-lebihan. Ibn Khaldun turut menyatakan bahawa masyarakat yang mewah dan mempunyai bekalan makanan yang melimpah-ruah biasanya mempunyai jangka hayat yang lebih rendah berbanding golongan yang sekadar cukup makan.

### **Penyelesaian Masalah Menurut Ibn Khaldun**

Antara cara untuk menyelesaikan masalah sosial menurut Ibn Khaldun adalah melalui *asabiyah*. Konsep *asabiyah* yang diutarakan oleh Ibn Khaldun berupaya dijadikan pedoman dalam menangani gejala sosial dan cabaran semasa yang berlaku pada masa kini. Konsep *asabiyah* atau dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai *esprit de corps* ini membawa maksud kesatuan, perpaduan sosial dan integrasi sosial (Ibn Khaldun, 2000: 101-102). Ia bukanlah konsep *asabiyah* yang dilarang oleh nabi SAW melalui sabda baginda yang bermaksud: “Bukan dalam kalangan kami mereka yang menyeru, berjuang dan mati dalam *asabiyah*” (Riwayat Muslim). Hal ini kerana maksud hadis ini adalah merujuk kepada mereka yang melakukan kezaliman diatas semangat bangsa dan perkauman sebagaimana hadis nabi yang bermaksud: “*Asabiyah* itu ialah engkau menolong kaum engkau dalam kezaliman” (Riwayat al-Tabrani).

Justeru, masyarakat di negara ini sewajarnya bersatu dan mengamalkan perpaduan dan integrasi sosial bagi menjamin kelangsungan tamadun dan keharmonian hidup generasi yang akan datang. Mereka perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam menangani dan membanteras gejala sosial yang semakin meruncing akhir-akhir ini. Dengan adanya semangat *asabiyah* atau kekitaan ini, usaha membendung masalah sosial dan melestarikan kehidupan akan menjadi lebih mudah.

Selain itu, dari segi pengajaran dan hubungan guru dengan para pelajar, Ibn Khaldun telah mengambil pengajaran dan memetik kata-kata Amirul Mukminin Khalifah ar-Rasyid kepada Khalaf bin Ahmar, guru yang mengajar anaknya, Muhammad al-Amin yang masih kecil, yang dirasakan oleh Ibn Khaldun sebagai kaedah pendidikan yang betul, iaitu : “Ajarilah dia bagaimana membaca al-Quran. Didiklah dia dalam sejarah. Biarkan dia meriwayatkan syair-syair dan ajari dia sunnah-sunnah Nabi. Berilah dia wawasan bagaimana berbicara dan bagaimana memulai suatu pembicaraan. Laranglah dia daripada ketawa berlebihan

kecuali pada waktu yang sesuai, biasakan dia menghormati orang yang lebih tua dari kalangan Bani Hashim apabila berada dalam sesuatu majlis. Jangan membuang waktu tanpa mengajarkan sesuatu ilmu yang berguna kepadanya. Elakkan dia daripada kemurungan kerana itu akan membunuh kejernihan fikrahnya. Jangan terlalu berlembut nanti dia akan menjadi seorang yang gemar berseronok dan gunakanlah kekerasan hanya apabila perlu. (“Ibn Khaldun, 2000: 464).

Selain itu, Ibn Khaldun juga menekankan perlunya tradisi kesarjanaan sebagai pra-syarat dalam kehidupan masyarakat bertamadun. Dalam hal ini, Ibn Khaldun menggunakan istilah ‘sanad’ bagi merujuk kepada tradisi keilmuan yang diwariskan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Menurut beliau, sesebuah peradaban manusia akan menjadi lemah jika sekiranya tradisi kesarjanaan sudah tidak wujud dalam sesebuah masyarakat. Pandangan beliau ini selari dengan saranan al-Quran yang sentiasa menyeru agar umat Islam menimba ilmu pengetahuan. Pendapat dan pandangan Ibn Khaldun ini amat bernalas dan jitu serta membuktikan sebuah pengamatan yang mendalam. Oleh yang demikian, masalah dan cabaran semasa yang dihadapi oleh negara pada masa kini sepatutnya diselesaikan menurut pandangan Ibn Khaldun ini. Masyarakat perlu dibudayakan dengan tradisi kesarjanaan dalam diri masing-masing. Dengan yang demikian, masyarakat yang berilmu dan matang serta bijak menentukan mana yang baik dan mana yang buruk dapat dihasilkan. Apabila wujud masyarakat yang sebegini, masalah dan gejala sosial sudah tentu dapat ditangani dan dibanteras.

## **Penutup**

Idea dan pemikiran bapa sosiologi moden yang dikenali sebagai Ibn Khaldun ini amat penting ditelusuri sebagai pedoman dalam kehidupan masyarakat komtemporari pada hari ini. Dengan mengambil kira aspek cabaran semasa yang melanda kehidupan masyarakat, maka artikel ini meneliti dan mengutarakan pandangan Ibn Khaldun sebagai suatu iktibar dan penyelesaian dalam mendepani cabaran semasa.

Dari perbincangan di atas, ternyata bahawa penghayatan isi kandungan al-Quran dan pegangan agama yang kuat merupakan faktor penting yang menentukan keteguhan dan kelangsungan sesebuah tamadun dan dalam mendepani segala cabaran semasa. Walaupun demikian, Ibn Khaldun tidak pernah menafikan kepentingan faktor kemewahan dan pencapaian kebendaan dalam memperlihatkan

kehebatan dan pencapaian sesebuah tamadun, akan tetapi ia perlulah berpaksikan kepada ajaran agama dan petunjuk dari al-Quran. Dengan itu maka barulah kehidupan manusia dalam sesebuah tamadun itu akan sentiasa mempunyai nilai kerohanian dan moral sebagaimana yang terdapat dalam ajaran agama melalui kitab suci al-Quran al-Karim.

### Nota Hujung

- <sup>1</sup> Pensyarah di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. B.A (IIUM), M.A, PH.D (UM).
- <sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. B.A (Jordan), M.A (UKM).

### Rujukan

- Ahmad Fauzi Hj Morad (1997), *Tamadun Islam*, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Al-Bûfi, Muhammad Sa'îd Ramadhân, (t.th), *Min rawâ i'r Al-Qur'an*, Damsyik: Maktabat al-Fârâbî.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah, (1985), *Mafatih Li Ta'amul Ma'a al-Quran*, Jordan: Maktabah al-Manar.
- Al-Natur, Syahadah, et. Al, (1989), *Madkhal Ila Tarikh al-Hadharah al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah*, Irbid : Dar al-Amal.
- Al-Qattan, Manna', (1992), *Mabahith fi 'ulum Al-Qur'an*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif
- Al-'âbûnî, Muhammad 'Ali, (1985), *Al-Tibyan fi 'ulum Al-Qur'an*, Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman (1951), *al-Itqan fi Urum al-Quran*, juz 1, ctk.3, Mesir: Matbu'at Musa al-Baby,
- Al-Zarqânî, Muhammad Abd al-'Azîm, (1988) ,*Manahil al-'urfan fi 'ulum Al-Qur'an*, Beirut : Dâr al-Fikr.
- Badiuzzaman Said Nursi (1999), *Risalah Mukjizat al-Quran*, Terj: Anuar Fakhri Omar, Mohd Shukri Yeoh Abdullah dan Salmah Ahmad, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Chek Mat (1999), *Pengurusan Belia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Dr. H. Abd. Rahim Arsyad, "Permasalahan dakwah pada Era Globalisasi dan Usaha Mengatasinya" dalam Syamsul Bahri Andi Galigo *et al.*, (2005), *Membangun Masyarakat Modern yang Berilmu dan Berakh�ak*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.

*Al-quran sebagai sumber pembangunan tamadun berdasarkan perspektif ibn khaldun Dalam mendepani cabaran semasa*

Ibn Khaldun (2000/ 1421H), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Cetakan Pertama, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Mohd Sukki Othman, *Ibnu Sina (Avicenna) Tokoh Perubatan Bertaraf Dunia*, dalam Milenia Muslim, (April 2006), Kuala Lumpur: MMP Communications.

Muhammad Abdullah Enan (1946), *Ibn Khaldun: His Life and Work*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.

Sidek Baba (2006), "Krisis nilai berpunca daripada didikan" di [http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=0413&pub=utusan\\_malaysia&sec=bicara%5Fagama&pg=ba\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=0413&pub=utusan_malaysia&sec=bicara%5Fagama&pg=ba_02.htm&arc=hive)) Tarikh : 14.8.07

Sidek Baba (2005), "Pembangunan modal insan remaja sasaran utamanya" di [http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2005&dt=1027&pub=utusan\\_malaysia&sec=bicara%5Fagama&pg=ba\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2005&dt=1027&pub=utusan_malaysia&sec=bicara%5Fagama&pg=ba_02.htm&arc=hive)) Tarikh : 14.8.07

\*âlih, \*ubhî, (1988), *Mabahith fi 'ulum Al-Qur'an*, Beirut: Dâr al-'Ilm lil Malâyîn.